



*Sambutan*

# HARI MALAYSIA 2023 PERINGKAT KEBANGSAAN





**MALAYSIA  
MADANI**  
TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN

*Segulai Sejalai*

**16 SEPTEMBER 2023 (SABTU)**

**STADIUM PERPADUAN,  
KUCHING, SARAWAK**

**8.30 MALAM**



**TUAN YANG TERUTAMA PEMANGKU  
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK  
TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD ASFIA BIN  
AWANG NASAR**



**YABHG. PUAN SRI DATO HAJAH FATIMAH BINTI  
HAJI MOHD. ISKANDAR**

## PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PERDANA MENTERI

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

Segala pujian dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan izin-Nya yang memberi kita peluang dan kesempatan untuk meraikan sambutan ulang tahun Hari Malaysia yang ke-60 pada tahun ini.

Menjadi rakyat Malaysia yang berjiwa patriotik, selain menghayati detik-detik tanah air mengecapi kemerdekaan, kita juga perlu mengambil iktibar tentang sejarah pembentukan Malaysia, iaitu bumi bertuah yang kita diami dengan aman, harmoni dan makmur.

Kejayaan negara mengecapi kemerdekaan disusuli pembentukan Malaysia merupakan bukti tekad kesungguhan pejuang-pejuang tanah air terdahulu yang berilitzam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas, bermaruah dan berdaulat. Oleh itu, nikmat penyatuan ini hendaklah terus dipertahan dan dilestarikan dengan pelbagai agenda kebaikan demi rakyat.

Lantaran itulah Malaysia MADANI yang digagaskan kerajaan pada hari ini ditampilkan sebagai visi baharu negara untuk melahirkan masyarakat yang maju, terampil dan terangkum.

Dalam mencapai aspirasi Malaysia MADANI, pengamalan nilai murni yang berteraskan Rukun Negara hendaklah dibudayakan tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa demi memperkuatkan jati diri dan cinta kepada negara bertepatan dengan cogan kata "Segulai Sejalai".

Akhir sekali, syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pihak yang telah bersama-sama berusaha menjayakan Sambutan Hari Malaysia ke-60 pada tahun ini.

Salam hormat



**YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM**

## **PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT PREMIER SARAWAK**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam Malaysia MADANI.

Pertamanya marilah kita bersama-sama merafakkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan inayah-Nya kita dapat bersama-sama meraikan Sambutan Hari Malaysia 2023 Peringkat Kebangsaan di Bandaraya Kuching, Sarawak pada tahun ini.

Sesungguhnya sambutan Hari Malaysia 2023 yang diadakan pada tahun ini cukup meriah dan kami warga Kuching khususnya amat berbesar hati menerima kunjungan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga rakan-rakan dari Semenanjung Malaysia dan Negeri Sabah bagi kita bersama-sama mengingati serta merayakan detik bersejarah tanah air kita yang berlaku 60 tahun yang lalu. Pada ketika itulah termeterainya perjanjian yang menyatukan dua wilayah di Pulau Borneo dan Tanah Melayu untuk membentuk sebuah negara bangsa yang berdaulat dan merdeka.

Pada detik yang sungguh bermakna ini, saya ingin mengajak seluruh rakyat Malaysia untuk sama-sama menghayati tema Hari Malaysia yang diangkat pada tahun ini iaitu "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan".

Pada hemat saya tema yang sama dipilih bagi Sambutan Hari Kebangsaan tahun 2023 ini sebagai suatu usaha mengajak seluruh rakyat menghayati erti pemikiran serta dasar pembangunan bangsa merdeka yang berjaya, yang memiliki budaya ketamadunan yang tinggi serta menjadikan perpaduan serumpun sebagai teras utama melakar kejayaan dalam arus kemodenan tanpa sempadan pada masa kini. Ia adalah suatu panggilan kepada semua rakyat Malaysia untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi berteraskan rasa hormat-menghormati antara sesama insan dalam apa jua situasi yang berlaku untuk membina masa hadapan negara yang gemilang.

Di Sarawak, semangat perpaduan dan saling menghormati antara kaum merupakan perkara pokok yang sentiasa diambil kira dalam pada melontarkan apa jua idea dan pandangan dalam usaha bergerak maju ke hadapan. Tema "Segulai Sejalai" menjadi asas bagi mewujudkan persefahaman antara satu sama lain supaya semua rakyat tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama dapat sama-sama menikmati kemajuan dan kemakmuran bumi bertuah ini.

Saya amat berharap dan berdoa agar Malaysia kita terus maju dan melangkah berani ke hadapan dengan semangat kesatuan bangsa yang jitu supaya negara terus dihormati dan disegani di arena serantau dan antarabangsa. Semoga Malaysia amnya dan Sarawak khususnya terus dipelihara oleh Allah SWT dengan kebaikan dan kemakmuran yang berterusan serta dipermudahkan segala urusan dalam membangunkan Malaysia ke aras yang lebih tinggi serta terus gemilang dengan kejayaan.

Selamat Hari Malaysia yang ke-60 Tahun. Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YAB DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI BIN  
TUN DATUK ABANG HAJI OPENG**



## **PERUTUSAN YANG AMAT BERHORMAT KETUA MENTERI SABAH**

Hari ini, 16 September 2023, kita menyambut ulang tahun pembentukan Malaysia iaitu Hari Malaysia ke-60 tahun. Sesungguhnya, tanggal 16 September menjadi tarikh keramat bagi rakyat Malaysia yang dirai setiap tahun dengan semangat patriotik yang tinggi. Marilah kita terus menjawai peristiwa Hari Malaysia dengan penuh semangat patriotisme dan rasa kecintaan terhadap negara Malaysia agar perpaduan, keamanan serta keharmonian akan terus terpelihara dan berkekalan di bumi bertuah ini.

Proses pembentukan Malaysia pada tahun 1963 bukanlah berlaku dalam sekilip mata, sebaliknya atas segala usaha dan keringat pemimpin-pemimpin ketika itu menempuh pelbagai liku, rintangan dan cabaran untuk merealisasikannya. Justeru menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia untuk mempertahankan kedamaian, keharmonian dan kemakmuran yang dikehendaki kini.

Bertemakan "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan", ini adalah aspirasi tekad dan komitmen pemimpin bersama rakyat sebagai sebuah negara bangsa yang memiliki semangat perpaduan yang tinggi, bersatu padu serta kehidupan yang aman serta sejahtera. Selaras dengan konsep Malaysia MADANI, ia adalah kunci utama rakyat mengecapai segala bentuk kemajuan dan kemodenan berteraskan kemampunan budaya bangsa, berdaya cipta, keyakinan, kesejahteraan, hormat-menghormati dan ihsan.

Alhamdulillah genap 60 tahun pembentukan Malaysia, negeri Sabah khususnya telah mengecapai pelbagai pembangunan antaranya dari sudut ekonomi, infrastruktur dan sektor pelancongan. Kerajaan negeri juga akan memanfaatkan sepenuhnya persefahaman dan hubungan baik dengan kerajaan Persekutuan dalam memastikan tuntutan Sabah seperti yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dipenuhi serta dilaksanakan.

Kesatuan dan perpaduan antara rakyat adalah kunci kepada kejayaan negara. Perpaduan juga aset paling penting dalam memperkuuh kedaulatan dan keamanan negara terutama negara yang mempunyai masyarakat majmuk. Semoga Malaysia terus aman dan harmoni. Rakyatnya hidup bersatu padu dan saling bertoleransi.

Penglibatan rakyat Malaysia yang berbilang kaum tatkala sambutan Hari Malaysia saban tahun mencerminkan perpaduan rakyat yang menjadi kunci kejayaan dan kemakmuran negara selama ini. Hayati dan hargai setiap pengorbanan pemimpin terdahulu serta jadikan peristiwa sejarah sebagai teladan dan pedoman terutamanya kepada generasi yang akan datang untuk memacu Malaysia MADANI ke arah lebih stabil dan maju.

Selamat Menyambut Hari Malaysia.

**YAB DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR**



**PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL  
MERANGKAP MENTERI BERTANGGUNGJAWAB  
SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2023**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI.

Alhamdullillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama meraikan sambutan Hari Malaysia bagi tahun 2023.

Sambutan Hari Malaysia amat signifikan dalam konteks negara ini yang diwarnai dengan kepelbagaian serta keunikan latar belakang rakyat.

Sambutan kali ini amat bertepatan dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mengangkat perpaduan sebagai kunci utama kestabilan negara.

Seluruh rakyat tanpa mengira keturunan, suku kaum, bangsa dan agama merupakan tonggak kemajuan serta kemodenan yang berteraskan kemampaman budaya bangsa, berdaya cipta, keyakinan, kesejahteraan, hormat-menghormati dan ihsan.

Marilah kita bersama-sama menzahirkan rasa cinta kepada negara dengan menelusuri sejarah perjuangan negarawan yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik sehingga memerdekaan Tanah Melayu dan seterusnya membentuk negara Malaysia. Penubuhan Malaysia yang berhasil menerusi perpaduan jitu antara pemimpin dengan rakyat hendaklah terus dipertahankan.

Akhir kata, terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak yang menjayakan sambutan kali ini selaku Jawatankuasa Pelaksana dan seluruh warga Kementerian Komunikasi dan Digital (KKD) selaku Jawatankuasa Induk.

Syabas juga kepada semua pihak yang mendukung semangat Segulai Sejala dalam merealisasikan sambutan Hari Malaysia.

Selamat Menyambut Hari Malaysia 2023!

**YB FAHMI FADZIL**

**PERUTUSAN  
YANG BERHORMAT  
MENTERI UTILITI DAN TELEKOMUNIKASI SARAWAK  
MERANGKAP MENTERI  
BERTANGGUNGJAWAB SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2023**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Salam Sarawak Maju Makmur dan Salam Malaysia MADANI.

Sambutan Hari Malaysia pada tahun ini dianggap besar signifikannya kerana sambutan ini melambangkan genap 60 tahun sejak Persekutuan Malaysia direalisasikan pembentukannya pada tarikh 16 September 1963 yang lalu.

Pemilihan Sarawak khasnya bandar raya Kuching pada tahun ini amat bermakna kerana di sini jugalah diadakan sambutan 50 tahun Hari Malaysia pada tahun 2013. Kali ini, bandar raya Kuching sekali lagi diberikan penghormatan sebagai tuan rumah untuk Sambutan Hari Malaysia 60 tahun.

Sambutan Hari Malaysia merupakan satu detik penting kerana memperingatkan kita satu penyatuan empat wilayah ketika itu yang melibatkan Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura untuk membentuk negara baharu Persekutuan Malaysia.

Tema "Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan" pada tahun ini bermatlamat untuk memperkuuh keserasian perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai latar belakang sosial, ekonomi dan peringkat umur agar kita dapat bergerak "Segulai Sejala" dalam usaha mengecapi kemakmuran ekonomi dan kesejahteraan sosial bersama.

Saya mewakili Jawatankuasa Induk sambutan ini ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YAB Perdana Menteri Malaysia dan YAB Premier Sarawak atas dukungan dan sokongan bagi penganjuran sambutan pada tahun ini. Terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh Kementerian Komunikasi dan Digital melalui menteriinya, YB Encik Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil yang juga merupakan Pengerusi bersama.

Syabas dan tahniah atas persiapan rapi pada setiap peringkat Jawatankuasa sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung bagi memastikan kelancaran majlis pada tahun ini. Selamat Menyambut Hari Malaysia 2023.

Wabiillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.

**YB DATUK HAJI JULAIHI BIN HAJI NARAWI**

## **TEMA HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM) 2023**

**“Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan, Penuhi Harapan”** telah dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia (HKHM) 2023. Tema ini mendasari TEKAD pemimpin bersama rakyat bagi memastikan Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang mempunyai semangat PERPADUAN yang tinggi, bersatu-padu, aman dan sejahtera.

**HARAPAN** **Malaysia MADANI** ialah **PERPADUAN** sebagai kunci utama bagi memastikan rakyat mengecapi segala bentuk kemajuan serta kemodenan yang berteraskan kemampunan budaya bangsa, berdaya cipta, keyakinan, kesejahteraan, hormat-menghormati dan ihsan.

## **LOGO HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA (HKHM) 2023**

Pemilihan logo rasmi HKHM 2023 diambil daripada reka bentuk logo Malaysia MADANI yang unik dengan simbolik “tangan yang sedang diangkat untuk melafazkan ikrar Rukun Negara”.

Logo ini mengandungi warna-warna asas Jalur Gemilang yang bertepatan dengan maksud tema yang dipilih pada tahun ini.

“Segulai Sejalai” merupakan frasa dalam bahasa Iban yang membawa maksud yang signifikan dengan konsep perpaduan dan aspirasi Malaysia MADANI.

“Segulai” bermaksud bersatu dan bekerjasama di samping berpegang kepada pandangan yang sama. “Sejalai” pula membawa maksud berjalan atau melangkah bersama ke hadapan. Gabungan dua frasa kata ini adalah sama maknanya dengan frasa kata “Berjalan Seiringan”.



### Jalur:

Melambangkan lima jari dengan jalur merah dan putih merupakan simbolisme kepada Rukun Negara yang mendasari ideologi Malaysia.

### Bulan Sabit:

Melambangkan simbol agama Islam sebagai agama rasmi Persekutuan.

### Bintang:

Berbucu 14 melambangkan perpaduan dalam kalangan 13 buah negeri dan Wilayah Persekutuan (Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan).

### Bulatan:

Dalam lingkungan warna biru melambangkan permuafakatan dan perpaduan dalam kalangan rakyat.

### Maksud Warna:

● Pada anak bulan dan bintang ialah tanda negara ini dinaungi oleh Raja Berperlembagaan.

● Mendasari apresiasi jalinan budaya perpaduan nasional masyarakat Malaysia yang berbilang kaum.

● Keyakinan rakyat terhadap kemajuan kehidupan dalam citra Malaysia yang unik.

● Tanda semangat jati diri rakyat Malaysia yang mendukung semangat wira yang membara.

● Tanda keikhlasan dan keamanan sebuah negara bangsa yang merdeka.

## **LAGU NEGARAKU**

Negaraku  
Tanah Tumpahnya Darahku  
Rakyat Hidup Bersatu dan Maju  
Rahmat Bahagia Tuhan Kurniakan  
Raja Kita Selamat Bertakhta  
Rahmat Bahagia Tuhan Kurniakan  
Raja Kita Selamat Bertakhta

## **LAGU NEGERI SARAWAK IBU PERTIWIKU**

Sarawak Tanah Airku

Negeriku Tanah Airku Sarawak

Engkaulah Tanah Pusakaku

Tanah Tumpah Darahku

Ibu Pertiwiku

Rakyat Hidup Mesra Dan Bahagia

Damai Muhibbah Sentiasa

Bersatu Berusaha Berbakti

Untuk Sarawak Ku Cintai

Sarawak Dalam Malaysia

Aman Makmur Rahmat Tuhan Maha Esa

Kekallah Sarawak Bertuah

Teras Perjuangan Rakyat

Berjaya Berdaulat

## **LAGU NEGERI SABAH SABAH TANAH AIRKU**

Sabah Tanah Airku  
Negeri Kita Yang Tercinta  
Pemuda-Pemudi Semua Marilah  
Bangunlah Bersatu Semua  
  
Marilah Bersama Serta Maju Jaya  
Merdeka Sepanjang Masa  
Bersatu Segala Bangsa Sentosa  
Sabah Negeri Merdeka

# **LAGU TEMA**

## **TEKAD PERPADUAN PENUHI HARAPAN**

Lagu dan Lirik: Affan Mazlan  
Nyanyian: Khai Bahar dan Aina Abdul

Takkan pernah ku jauh	(Korus)
Sentiasa ku teguh	Tekad Perpaduan
Pertahankan tanah airku	Penuhi Harapan
Panas hujan ku tempuh	Cintai Malaysia
Penuhi harapanku	Demi Malaysia
Negaraku gagah bersatu	Laungkan bersama
	Cintai Malaysia
(Korus)	
Tekad Perpaduan	(Transisi)
Penuhi Harapan	Ooo... (2x)
Cintai Malaysia	Laungkan bersama
Demi Malaysia	Demi Malaysia
Laungkan bersama	Penuhi tekad harapan kita
Cintai Malaysia	Ini negara kita
	Cintai Malaysia
Walau berbeza warna	
Kita semua sama	[(Korus) (ulang 2x)]
Bersatu kita takkan goyah	Tekad Perpaduan
Negaraku Madani	Penuhi Harapan
Perpaduan di hati	Cintai Malaysia
Selamanya ku Malaysia	Demi Malaysia
	Laungkan bersama
	Cintai Malaysia
	Cintai Malaysia... Selamanya

# **SEGULAI SEJALAI (SEIRING SEJALAN)**

Lagu/Lirik: Gabriel Fairuz Louis

Nyanyian: Gabriel Fairuz Louis, Mal Imran dan Valerie Thiam

Malaysia ku  
Yang tercinta  
Sepenuh jiwa raga  
Kupertahankan

Ku semaikan perpaduan  
Kekalkan keamanan  
Sentiasa dijunjung

(Korus)  
Berdiri bersama  
Teguh erat seiringan  
Mencipta suasana harmoni  
Menggapai wawasan

Tanpa mengira bangsa  
Penuhi harapan jiwa  
Kita semua  
Segulai sejalai...

Malaysia ku  
Yang tercinta  
Sepenuh jiwa raga  
Kupertahankan

[(Korus) (ulang 2x)]  
Berdiri bersama  
Teguh erat seiringan  
Mencipta suasana harmoni  
Menggapai wawasan

Tanpa mengira bangsa  
Penuhi harapan jiwa  
Kita semua  
Segulai sejalai...

(ulang 3x)

Kita semua  
Segulai sejalai...

## **ATUR CARA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2023**

- |            |   |  |
|------------|---|--|
| 7.00 malam | : | Pra-Persembahan  |
| 7.30 malam | : | Ketibaan Tetamu Jemputan   |
| 7.45 malam | : | Ketibaan Yang Berhormat Menteri-menteri dan Dif-dif Kenamaan serta isteri/ suami masing-masing   |
| 8.10 malam | : | Ketibaan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Juliah Salag                             |
| 8.15 malam | : | Ketibaan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datuk Amar Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang              |
| 8.25 malam | : | Ketibaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail                               |
| 8.30 malam | : | Ketibaan Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Hajah Fatimah binti Haji Mohd. Iskandar |
|            | : | Lagu Negaraku dan Ibu Pertiuiku  |
|            | : | Persembahan Selamat Datang   |
|            | : | Bacaan Doa   |
|            | : | Tayangan Video Ucapan Yang Berhormat Menteri-menteri Bertanggungjawab  |
|            | : | Ucapan oleh Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr.) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak  |
|            | : | Tayangan Video Khas  |
|            | : | Ucapan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri  |
|            | : | Upacara Menandatangani Buku Khas Hari Malaysia   |
|            | : | Perarakan Masuk Konvoi Kembara Jalur Gemilang  |
|            | : | Upacara Menaikkan Jalur Gemilang diiringi Lagu Negaraku  |

- : Bacaan Ikrar Rukun Negara
  - : Simbolik Perasmian Sambutan Perayaan Hari Malaysia Tahun 2023
  - : Persembahan Khas
  - : Persembahan Hiburan dan Kebudayaan
  - : Lagu Negaraku dan Ibu Pertiwiku
- 10.30 malam : Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Dato Hajah Fatimah binti Haji Mohd. Iskandar meninggalkan majlis
- : Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail meninggalkan majlis
- : Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dan Yang Amat Berbahagia Puan Sri Datuk Amar Hajah Juma'ani Tun Tuanku Haji Bujang meninggalkan majlis
- : Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah dan Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Juliah Salag meninggalkan majlis
- : Majlis Selesai

# **SENARAI JAWATANKUASA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2023 (PERSEKUTUAN)**

## **PENGERUSI JAWATANKUASA INDUK**

YB Menteri Komunikasi dan Digital

## **PENGERUSI JAWATANKUASA KERJA**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Komunikasi dan Digital

## **SETIAUSAHA JAWATANKUASA KERJA**

Setiausaha Bahagian Kanan (Pengurusan)  
Kementerian Komunikasi dan Digital

## **JAWATANKUASA INDUK**

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)  
Kementerian Komunikasi dan Digital

## **JAWATANKUASA TEKNIKAL DAN PENERBITAN**

### **SIARAN LANGSUNG**

Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)

## **JAWATANKUASA MEDIA DAN PUBLISITI**

Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen)

## **JAWATANKUASA KESIHATAN DAN PERUBATAN**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

## **JAWATANKUASA KEMUDAHAN TELEKOMUNIKASI**

Bahagian Teknologi Komunikasi (BTK) KKD

## **JAWATANKUASA PENGISIAN KANDUNGAN DAN PENDOKUMENTASIAN BERPUSET**

Bahagian Pembangunan Kandungan (BPK) KKD

## **JAWATANKUASA BUKU PROGRAM**

Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen)

## **JAWATANKUASA AMANAT HARI KEBANGSAAN 2023**

Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA)

## **JAWATANKUASA PENAJAAN**

Bahagian Kawalan dan Pematuhan (BKM) KKD

## **JAWATANKUASA PENILAIAN TEKNIKAL**

Bahagian Infrastruktur dan Aplikasi (BIA) KKD

# **SENARAI JAWATANKUASA SAMBUTAN HARI MALAYSIA 2023 (NEGERI SARAWAK)**

## **MENTERI BERTANGGUNGJAWAB**

**YB Datuk Haji Julaihi bin Haji Narawi**

Menteri Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak

## **YB Datuk Francis Harden anak Hollis**

Timbalan Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak  
(Pembangunan Bakat)

## **YB Datuk Dr. Jerip anak Susil**

Timbalan Menteri Pengangkutan Sarawak (Penerangan dan Jalan Raya)

## **YB Datuk Hajah Rosey binti Haji Yunus**

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan  
Kesejahteraan Komuniti Sarawak (Pembangunan Kanak-Kanak)

## **YB Ir. Aidel Lariwoo**

Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak  
(Pembangunan Infrastuktur)

## **YB Dr. Ripin bin Lamat**

Timbalan Menteri Belia, Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak  
(Pembangunan Usahawan)

## **YB Encik Maclaine Ben @ Martin Ben**

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan  
Pembangunan Wilayah Sarawak  
(Komoditi dan Pembangunan Wilayah)

## **YB Datuk Amar Haji Mohamad Abu Bakar bin Marzuki**

Setiausaha Kerajaan Sarawak  
merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola

## **YBhg. Datu Hii Chang Kee**

Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak (Operasi)  
merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pengelola

## **YBhg. Datu Mohamad Junaidi bin Mohidin**

Pengarah Unit Protokol, Istiadat dan Pengurusan Acara Sarawak  
merangkap Setiausaha Perayaan

## **YBrs. Encik Fathi bin Haji Hambali**

Pengarah Unit Pentadbiran  
merangkap Bendahari Perayaan

## **SEKALUNG PENGHARGAAN**

Pengerusi dan ahli-ahli jawatankuasa Sambutan Hari Malaysia 2023  
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih  
kepada semua pihak yang terlibat dan memberikan kerjasama  
serta sumbangan bagi menjayakan program ini.



B.014 (B.M) SEPTEMBER 2023 (0.500)





Stadion Putra